

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Wilson Ugak Kumbong
[Hulu Rajang]**

NO. SOALAN : 66

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sekiranya ada cadangan untuk membina Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) bagi menampung permintaan perkhidmatan yang kian meningkat di kalangan penduduk-penduduk di Kapit dan Belaga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih atas perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan RTC di kawasan Kapit dan Belaga memandangkan Sarawak telah mempunyai RTC di Bekenu, Miri yang merupakan RTC pertama di Sarawak. Bagi cadangan RTC Ke-2 Sarawak, Kerajaan Negeri telah mencadangkan lokasi di Mid-Layar, Betong dan sedang dalam peringkat penilaian tapak oleh KKLW. Dengan penubuhan kedua-dua buah RTC ini, pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC akan merangkumi keseluruhan negeri Sarawak termasuk Kapit dan Belaga.